

09 JUL 1997

Sungai-Cemar

SUNGAI BATU PAHAT DICEMARI RACUN

KANGAR, 9 Julai (Bernama) -- Sebatang anak sungai yang mengalir dari banjaran Bintang ke kawasan rekreasi Sungai Batu Pahat dekat sini kini diancam pencemaran racun rumpai akibat pencerobohan kegiatan menanam tembakau dan sayuran di pinggir sungai itu.

Menteri Besar Perlis Datuk Shahidan Kassim berkata kerajaan negeri bimbang dengan pencemaran itu yang boleh menjejaskan tarikan pelancong kawasan yang terkenal dengan Taman Ular dan Reptilia itu.

Katanya Jabatan Kesihatan telah mengesahkan kandungan air sungai itu dicemari racun rumpai dan kerajaan negeri bimbang kerana pencemaran itu turut merebak ke kolam renang awam di bahagian hilir anak sungai itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat minggu Exco di sini hari ini.

Katanya jabatan itu juga telah diminta meletakkan papan tanda amaran mengenai bahaya meminum atau menggunakan air di sepanjang lima kilometer sungai itu.

Bagaimanapun beliau berkata penduduk terbabit tidak perlu bimbang terhadap tahap kebersihan air yang diproses di logi rawatan air Sungai Batu Pahat kerana ia tidak menggunakan air daripada yang tercemar itu.

Katanya, kerajaan negeri akan bertindak tegas terhadap para penduduk yang menceroboh kawasan tadahan dan hutan simpanan kekal itu yang menurutnya tindakan itu bukan sekadar melanggar undang-undang tetapi membahayakan nyawa orang ramai.

Katanya Pengerusi Jawatankuasa Tanah dan Perhutanan Negeri Che Ah Long akan mengetuai tindakan itu bersama agensi penguatkuasa dan Jabatan Perhutanan mengambil tindakan ke atas mereka yang terbabit.

Kawasan rekreasi Sungai Batu Pahat yang wujud lebih 30 tahun lalu menyediakan kemudahan seperti padang golf 18 lubang, taman ular dan reptilia terbesar di Malaysia, taman burung, lapang sasaran, landasan terbang, ladang memulam dan air terjun.

Sebanyak 14 rumah tradisional turut dibina yang dijadikan chalet semasa pelancaran Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa tahun lalu.

--BERNAMA

AD MS